

JESUS 316

Siapakah Yesus?

Siapakah Yesus? Alkitab memberikan kita satu-satunya jawapan yang benar untuk soalan ini. Rasul Paulus menulis demikian, *"Seluruh Kitab Suci diilhamkan [dihembuskan] oleh Allah,"* 2 Timotius 3:16. Alkitab yang dihembuskan Allah, dalam Kejadian sehingga Wahyu, mengajar bahawa Yesus adalah Tuhan dari keabadian dahulu sehingga keabadian akan datang. Alkitab menyatakan bahawa Dia adalah *"Alfa dan Omega, ... yang ada sekarang, yang ada dahulu dan yang akan datang"* Wahyu 1:8. Alkitab mengenal pasti Yesus sebagai Allah, Pencipta, Gembala Agung, Tuhan, Penebus, Domba Tuhan, Tuan segala Tuan, Raja segala Raja, Imanuel (Tuhan bersama kita), Penyelamat, Imam Besar, dan Kebangkitan dan Hidup.

Yesus adalah Pencipta. *"Pada permulaan sudah wujud Firman, dan Firman itu bersama Allah dan Firman itu ialah Allah. Segala-galanya diciptakan melalui Dia. Firman itu menjadi manusia dan hidup dalam kalangan kita. Kita telah melihat kemuliaan-Nya sebagai Anak Tunggal yang datang daripada Bapa,"* dipetik daripada Yohanes 1:1-14. *"Kerana melalui Dia segala sesuatu diciptakan: yang wujud di bumi dan di syurga, yang kelihatan dan tidak kelihatan, baik yang bertakhta mahupun yang berkuasa, baik pemerintah mahupun kerajaan; segala-galanya telah dicipta melalui-Nya dan untuk-Nya."* dipetik dari Kolose 1:16-17.

Yesus adalah "AKU". Yesus, Malaikat Tuhan, berseru kepada Musa dari Belukar yang Bernyala-nyala dalam Keluaran 3 (~1,450 SM) dan menyebutkan diri-Nya sebagai "Akulah AKU". Dalam Yohanes 8, Yesus mengisytiharkan diri-Nya sebagai "AKU" yang maha besar, yang sudah ada sebelum Abraham (~2,100 SM) dan sebelum orang Yahudi. Orang Yahudi yang hadir menganggap bahawa Dia mengakui diri-Nya sebagai Tuhan dan memungut batu untuk membunuh-Nya. Kemudian, Yesus berkata, *"Aku dan Bapa adalah satu."* Yohanes 10:30-31. Dan orang Yahudi memungut batu sekali lagi.

Yesus ada dalam Perjanjian Lama. Tiada siapa yang pernah melihat Allah Bapa, Yohanes 1:18, 6:46. Namun, Tuhan, sebelum Dia datang sebagai Yesus, pernah memperlihatkan diri-Nya kepada beberapa orang pada zaman Perjanjian Lama sebelum Dia dilahirkan di Betlehem. Dia memperlihatkan diri-Nya sebagai Malaikat Tuhan kepada Hagar dalam Kejadian 16 & 21, kepada Musa dalam Keluaran 3, kepada Gideon dalam Hakim-Hakim 6, dan kepada ibubapa Simson dalam Hakim-Hakim 13. Yesus juga memperlihatkan diri-Nya kepada Abraham dalam Kejadian 18 & 22 dan kepada Yakub dalam Kejadian 31 & 32. Dan Yesus disebutkan sebagai salah satu peribadi dalam Tritunggal dalam Yesaya 48:12-19 (ditulis sekitar tahun 700 SM).

Yesus adalah Peribadi yang telah dinubuatkan. Lebih daripada 300 nubuatan Perjanjian Lama, dari beratus-ratus tahun sebelumnya, menghuraikan tentang kelahiran, kehidupan dan kematian Yesus. Beberapa nubuatan tersebut di Mazmur 22 memberikan gambaran yang ngeri tentang penyaliban-Nya (ditulis sekitar 1,000 tahun SM semasa kaedah pelaksanaan hukuman mati adalah dengan merejam menggunakan batu). Penggenapan nubuatan-nubuatan Mazmur 22 tersebut dicatatkan dalam Matius 27.

Yesus menjadi Tuhan-Manusia. Nabi Yesaya bernubuat bahawa *"Sesungguhnya, seorang anak telah lahir bagi kita, seorang putera telah dikurniakan bagi kita."* Yesaya 9:6. Yesaya telah mengenal pasti bahawa Peribadi itu adalah Tuhan yang perkasa. Anak yang kekal telah diberi sebagai seorang anak yang dilahirkan di Betlehem. Yesus wujud sebelum Dia dilahirkan - dari keabadian dahulu. Gelaran "Anak Allah" menjelaskan kedudukan-Nya dan bukan kelahiran-Nya. Ia tidak bermaksud bahawa Dia hanya wujud ketika Dia dilahirkan di Betlehem. Rasul Paulus menulis demikian, *"Hendaklah ada dalam dirimu pemikiran yang ada dalam Kristus Yesus: Dia yang sekalipun dalam bentuk Allah, tidak menganggap kesetaraan dengan Allah sesuatu yang harus dipertahankan, tetapi Dia telah mengetepikan martabat diri-Nya, mengambil bentuk seorang hamba, dan datang dengan rupa manusia. Dalam keadaan sebagai manusia, Dia telah merendahkan diri-Nya dan taat hingga kepada kematian, bahkan kematian di salib!"* Filipi 2:5-8. Yesus menjadi manusia sepenuhnya, dan pada waktu yang sama, Dia masih Tuhan. Yesus yang kekal, yang telah pun wujud, turun dari Syurga untuk menjadi seorang manusia, Yohanes 3:13, 31, Yohanes 6:33-38. Yesus adalah Tuhan dan juga manusia pada waktu yang sama.

Yesus melakukan mukjizat. Banyak mukjizat-Nya terdapat dalam Perjanjian Baru. Tiga mukjizat-Nya menyertai pengakuan-Nya secara gempar. Dia memberi makan kepada 5,000 orang secara mukjizat, lalu berkata, *"Akulah roti hidup itu,"* Yohanes 6:35. Dia menyembuhkan seorang buta setelah berkata, *"Selama Aku di dunia, Akulah cahaya dunia."* Yohanes 9:1-8. Dan Dia berkata, *"Akulah kebangkitan dan hidup. Sesiapa yang percaya kepada-Ku akan hidup, meskipun dia sudah mati."* Yohanes 11:25. Kemudian, Yesus berjalan ke makam sahabat-Nya Lazarus yang telah meninggal dunia empat hari yang lalu dan berseru menyuruhnya keluar. Yesus menyembuhkan orang sakit, lumpuh, pekak, bisu, berpenyakit kusta, dan yang dirasuk. Dia membuat air menjadi air anggur, berjalan di atas air, dan menenangkan laut. Matius 9:2-7 memberitahu tentang beberapa orang yang telah membawa seorang lumpuh kepada Yesus.

Dia berkata kepada orang itu, *"Tegapkanlah hatimu, anak-Ku! Dosamu telah diampunkan."* Para pemimpin agama menganggap bahawa itu adalah kata kufur kerana hanya Tuhan yang dapat mengampuni dosa. Yesus bertanya kepada mereka, *"Manakah yang lebih mudah dikatakan, 'Dosamu telah diampunkan,' atau 'Bangun dan berjalan?' Aku akan membuktikan kepadamu bahawa di bumi ini Anak Manusia berkuasa mengampunkan dosa."* Kemudian Yesus berkata kepada orang lumpuh itu, *"Bangun, angkat tikarmu dan pulanglah."* Orang lumpuh itu pun bangun lalu pulang ke rumahnya."

Yesus membuktikan bahawa Dia adalah Tuhan. Yesus menggenapi nubuatan-nubuatan Perjanjian Lama tentang kelahiran, kehidupan dan kematian-Nya. Dia melakukan banyak mukjizat untuk menunjukkan bahawa Dia adalah Tuhan. Dia mengajar secara berwibawa. *"Setelah selesai Yesus menyampaikan kata-kata itu, orang ramai itu kagum dengan ajaran-Nya kerana Dia mengajar dengan penuh wibawa, tidak seperti ahli Taurat mereka."* Matius 7:28-29. Dan Dia hidup tanpa berdosa, Ibrani 4:15, 1 Petrus 2:22, 1 Yohanes 3:5. Yesus, sebagai Tuhan-Manusia yang tidak berdosa, telah menjadi Domba Tuhan yang sempurna yang telah dikorbankan atas kayu salib demi dosa kita. *"Dia menanggung dosa kita dalam tubuh-Nya sendiri di kayu salib, supaya kita mati terhadap dosa dan hidup untuk kebenaran. Luka-luka-Nya telah menyembuhkan kamu."* 1 Petrus 2:24.

Yesus disalibkan dan bangkit dari kematian. *"Kamu mengetahui bahawa untuk membebaskanmu daripada hidup sia-sia warisan nenek moyangmu, tebusannya bukanlah sesuatu yang dapat dibinasakan seperti perak atau emas - tetapi darah Kristus yang amat berharga, darah anak domba yang tiada cacat celanya."* 1 Petrus 1:18-19. *"Dia telah dibunuh dengan disalib; tetapi Allah membangkitkan-Nya pada hari yang ketiga serta memperlihatkan Dia - semua nabi bersaksi tentang-Nya bahawa setiap orang yang percaya kepada Yesus akan diampuni dosanya dengan nama-Nya."* Kisah 10:39-40, 43. *"Aku telah menyampaikan kepadamu hal-hal utama, yang telah kuterima sendiri: Bahawa Kristus telah mati untuk menebus dosa kita, sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci; bahawa Dia telah dikuburkan, dan telah dibangkitkan pada hari yang ketiga, sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci;"* 1 Korintus 15:3-4. Yesus bangkit dari makam dan dilihat oleh ramai saksi sebelum Dia diangkat ke Syurga.

Yesus adalah satu-satunya jalan kepada Tuhan. Yesus berkata, *"Akulah jalan, kebenaran dan hidup. Tiada seorang pun datang kepada Bapa kecuali melalui-Ku."* Yohanes 14:6. Rasul Petrus berkata, *"Tiadalah penyelamatan melalui sesiapa yang lain, kerana tiada nama lain di bawah langit ini diberikan dalam kalangan manusia, yang dapat menyelamatkan kita."* Kisah 4:12. Rasul Paulus mencatatkan, *"Hanya ada satu Allah dan hanya ada satu pengantara antara Allah dengan manusia iaitu seorang insan Kristus Yesus. Dia telah menyerahkan diri-Nya untuk menebus dosa seluruh umat manusia,"* 1 Timotius 2:5-6. Jalan Yesus kepada Tuhan berbeza daripada agama-agama lain. Agama yang lain tidak menawarkan penyelesaian untuk masalah dosa kita. Ia mengajar bahawa, secara umum, jika anda melakukan perkara baik menurut pelbagai definisi mereka tentang apa yang baik dan jahat, lalu tuhan-tuhan mereka mungkin akan melepaskan pandang dosa anda dan mengizinkan anda memasuki Syurga. Cara Yesus adalah mempercayai bahawa dalam Dia, dosa anda telah dibayar di atas kayu salib dan diampuni. Dengan Yesus, anda memasuki Syurga dengan dosa yang sudah diampuni. *"Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal."* Yohanes 3:16.

Yesus akan kembali. Yesus berkata, *"Di dalam rumah Bapa-Ku ada banyak tempat tinggal. Jika hal ini tidak benar, tidaklah Kukatakan kepadamu. Aku akan pergi menyediakan tempat untukmu. Jika Aku pergi dan menyediakan tempat untukmu, Aku akan pulang dan membawamu ke tempat-Ku, supaya di tempat Aku berada di situ juga kamu berada."* Yohanes 14:2-3. Dan dalam kata-kata terakhir dalam Alkitab, Yesus berkata, *"Ya, Aku akan datang segera."* Rasul Yohanes turut berkata, *"Sesungguhnya, marilah Engkau, ya Tuhan Yesus."* Wahyu 22:20-21. Jika Yesus kembali pada hari ini, adakah anda bersedia untuk bertemu dengan-Nya? Layarilah www.Gospel316.org untuk mendapat kepastian bahawa anda sudah bersedia dengan mempercayai Yesus dan memperolehi pengampunan daripada Tuhan.

Yesus adalah Tuhan dari keabadian dahulu sehingga keabadian akan datang.

Kagumlah dan gerunlah mendengar nama-Nya!

Siapakah Yesus? © 2025 oleh John D. Morris III diterbitkan oleh Acts One Eight. Anda diizinkan untuk mencetak, membuat salinan, mengirim, menghantar melalui emel atau mesej dengan syarat isi kandungannya tidak diubah dan pernyataan penuh ini disertakan. Anda diizinkan meletakkan nama atau logo pelayanan atau gereja anda di bahagian atas mukasurat pertama dan menyertakan maklumat hubungan anda di atas garisan di bahagian bawah mukasurat kedua. Jesus316 adalah berasaskan Alkitab sahaja. Ia wujud untuk membantu orang ramai percaya kepada Yesus Kristus dan bertumbuh sebagai murid-murid-Nya. Anda boleh mengirimkan emel kepada Acts One Eight (dalam Bahasa Inggeris, jika boleh) ke: Hello@Mail316.org. Perkhidmatan terjemahan versi-versi bukan Bahasa Inggeris disediakan oleh www.ChristianLingua.com. *Siapakah Yesus?* terdapat dalam 48 bahasa, secara percuma, di www.Jesus316.org. Petikan Alkitab dalam versi Bahasa Inggeris adalah dari New American Standard Bible 1995 dari The Lockman Foundation. Petikan Alkitab dalam terjemahan ini adalah dari Alkitab Versi Borneo AVBTM. Hak cipta terpelihara © 2024 Borneo Sabda Limited.